

PAC tidak akan siasat kerugian MAS

Malaysian Insider

4 Mac, 2014

Oleh Diyana Ibrahim

Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata MAS tidak patut mengalami kerugian RM1.7 bilion itu kerana ia bukan sahaja ditanggung kerajaan sepenuhnya, tetapi MAS juga mempunyai kepakaran dalam industrinya. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) hari ini mengatakan mereka tidak akan menyiasat kerugian Malaysia Airlines Bhd (MAS) kerana ia bukan di bawah bidang kuasa badan itu.

Menurut Pengerusi PAS, Datuk Nur Jazlan Mohamed, PAC percaya kerugian yang melanda syarikat penerbangan milik negara berjumlah RM 1.17 bilion itu berpunca daripada masalah pengurusan pentadbiran dan bukannya kerana ketirisan.

Beliau berkata kerugian itu tidak sepatutnya berlaku kerana selain ia ditanggung kerajaan sepenuhnya, MAS juga dikatakan mempunyai kepakaran dalam industri terbabit.

"Mereka punya ramai pakar, Ahli Lembaga Pengarah yang hebat dan di Bursa Saham kerana itu mereka patut tampil menjelaskan kenapa ia berlaku," katanya pada sidang media PAC di Parlimen, Kuala Lumpur hari ini. – 4 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pac-tidak-akan-siasat-kerugian-mas>